

PERIS TIWA PELAJAR DI DEWAN

*Mahathir,
Chee Khoo
'bertikam
lidah...'*

MKUALA LUMPUR, Selasa.
MENTERI Pelajaran, Dr. Maha-
thir Mohamad dan ahli pem-
bangkang tunggal dari Peko-
mas, Dr. Tan Chee Khoo, me-
nguasai masa soal jawab Dewan
Rakyat petang ini bila mereka bert-
tikam lidah mengenai pelajar-pe-
lajar Malaysia di Australia.

Mula-mula Dr. Mahathir telah mem-
beri jawapan panjang lebar kepada
soalan asal Dr. Tan yang termasuk pe-
riistiwa tunjuk perasaan para pelajar
ketika Tun Razak di Australia, sebab-
sebab yang dipercayai menyebabkannya,
keadaan mereka di sana dan langkah-

langkah kawalan untuk menyekat per-
buatan sama berulang.

Soalan Dr. Tan: Adakah menteri pe-
lajaran sedar ramai pelajar Malaysia di Aus-
tralia kkuatir balik ke Malaysia oleh sebab
mereka mempunyai pandangan yang pro-
gresif dan mereka percaya mereka akan di-
tahan apabila mereka balik ke Malaysia;
jika sedar, apa tindakan telah diambil oleh
kementeriannya untuk menghapuskan pe-
rasaan tersebut.

Menyoal balik

Dr. Mahathir dalam jawapannya me-
nyoal balik samada pandangan dan sikap
antinasional dan kelakuan menghasut dan
mencaci kerajaan kita di Australia itu bo-
leh dikatakan pandangan progresif.

"Jika ya, apakah ahli yang berhormat
pun ingin menunjuk yang ianya sama pro-
gresif?"

"Dan jika tunjukperasaan adalah tanda
progresif, apakah akan jadi jika ahli-ahli
kerajaan pula tunjukperasaan terhadap se-
siapa yang mereka tidak suka," tanya be-
liau.

Selesai semua jawapan diberikan, Dr.
Tan bangun menjelaskan bahawa ada pe-
lajar-pelajar Malaysia di Australia yang ber-
pandangan progresif misalnya mengenai ke-
miskinan di negara ini dan mereka mem-
bincangkan soal itu dengan rakan-rakan
mereka di sana.

Mahathir, Chee Khoon

bertikam lidah

20 JUN 1988

★ DARI MUKA 1

Dr. Mahathir menjawab kalau begitu maksud Dr. Tan beliau ber-setuju bahawa pandangan mereka itu progresif.

Bagaimanapun beliau percaya para pelajar kita yang melanjutkan pelajaran di luar negeri terdiri dari mereka yang boleh berfikir dan sepatutnya tahu bahawa teguran terhadap kerajaan dan mengemukakan cara-cara untuk mengatasi kemiskinan misalnya bukanlah perkara yang salah.

Malah, katanya, teguran itu bukan saja dibuat oleh para pelajar tetapi juga oleh ahli-ahli pembangkang, ahli-ahli penyokong kerajaan dan golongan lain dalam negara sendiri.

"Tidak pernah lagi di negara ini kita menahan sebarang orang miskin itu tidak patut di tolong," katanya.

Katanya kerajaan hanya akan menangkap pelajar-pelajar yang terlibat dalam kegiatan subversif, menolong orang-orang yang menjadi musuh negara dan selain dari itu tidak.

Satu dari cara-cara untuk memberi penerangan kepada para pelajar di sana ialah dengan menteri - menteri yang melawat ke sana berjumpa dan berdialog dengan mereka, dan beliau sendiri pernah berbuat demikian semasa melawat ke sana dan ke tempat-tempat lain serta dalam negeri juga.

Tertutup

Malangnya, kata beliau, ada setengahnya datang ke majlis dialog itu dengan hati yang tertutup dan tidak mahu mendengar sebarang penerangan kerana mereka yakin bahawa mereka pejuang orang-orang nasis kurang baik dan hanya mereka saja yang betul.

Dr. Tan bangun meniadakan supaya bukan saja menteri-menteri tetapi pegawai-pegawai kanan kerajaan yang melawat ke luar negeri juga digalakkan berdialog dengan para penuntut di luar negeri dan bukan melawat ke kediaman duta saja.

Dr. Mahathir menjawab: "Saya percaya kalau ahli yang berhormat semasa melawat Australia sebelum Perdana Menteri kita sampai ke sana mengadakan dialog seperti itu dengan para pelajar kita di sana, saya percaya tentu timbul perasaan tersebut tidak berlaku."

Dr. Tan menjelaskan beliau sebenarnya menemui para pelajar di sana dan menerangkan bahawa mereka tidak akan di tangkap kalau balik nanti seperti yang dianggap.

Dr. Mahathir: "Saya ucapkan terimakasih dengan usaha yang berhormat itu memberi penerangan kepada para

pelajar kita tetapi nampaknya penerangan itu tidak begitu berkesan kerana ada juga tunjukperasaan selepas penerangan dari beliau itu."

Pemangku Speaker mencelah: "itu yang tidak berjumpa dengan yang berhormat dari Kepong".

Menyambung jawapannya, Dr. Mahathir menjelaskan mustahil bagi mana-mana menteri atau pegawai pelajaran untuk menemui semua 6,000 pelajar di Australia.

Bagaimanapun, katanya, segolongan kecil para pelajar yang menunjukkan-perasaan itu adalah penunjukperasaan profesional yang menunjukkan-perasaan mengenai apa masaalah dan kepada siapa juga, bukan khas kepada Perdana Menteri Malaysia saja.

Dalam jawapan asalnya Dr. Mahathir antara lain berkata beliau tidak setuju sama sekali bahawa ramal para pelajar Malaysia yang berada di Australia khuatir balik ke Malaysia sebab mereka mampu

nyai pandangan progresif dan kerana mereka akan ditahan apabila mereka balik ke Malaysia.

Menekan

Beliau menegaskan bilangan yang khuatir tidak ramal berdasarkan bilangan yang menjadi leftis dan anti-kerajaan menjalankan kempen antikerajaan dengan tunjuk-tunjukperasaan dan propaganda melalui penerbitan mereka menuduh Kerajaan Malaysia Kerajaan Facist yang menindas para pelajar.

Katanya: "Kita semua tahu pelajar-pelajar ini, bersama-sama dengan pelajar-pelajar Australia, mengelolakan demonstrasi-demonstrasi terhadap Perdana Menteri kita di beberapa buah bandar dalam lawatan beliau ke Australia baru-baru ini.

"Mereka memakai topeng kononnya kerana takut mereka dikenal, tetapi sebenarnya untuk menekan bahawa Malaysia sudah jadi sebuah negara yang fascist.

"Kita patut ingat bahawa penuntut-penuntut yang menunjukkan-perasaan di dalam negeri ini dengan tidak bertopeng pun dibicara dan dilepas.

"Kita tidak menahan sesiapa semata-mata kerana demonstrasi tetapi kerana terlibat dengan kegiatan subversif atau jika memecah undang-undang biasa.

"Sebenarnya Kerajaan Australia pun menangkap mereka jika mereka mengganggu ketenteraman.